

## **KONSEP KEPERIBADIAN DAN KESANTUNAN WANITA MELAYU MENURUT PERSPEKTIF IBU ZAIN**

### ***THE CONCEPT OF PERSONALITY AND POLITENESS OF THE MALAY WOMAN FROM IBU ZAIN'S PERSPECTIVE***

**Khairiah Mohd Yassin**

Jabatan Tamadun dan Falsafah,  
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
UUM CAS, Universiti Utara Malaysia,  
06010 UUM Sintok, Kedah.  
(Email: mykhairiah@uum.edu.my)

**Accepted date:** 05-08-2018

**Published date:** 11-07-2019

**To cite this document:** Yassin, K. M. (2019). Konsep Keperibadian dan Kesantunan Wanita Melayu Menurut Perspektif Ibu Zain. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 01-13.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.26001

---

**Abstrak:** Wanita dianalogikan sebagai permata berharga bagi sebuah keluarga, bangsa, negara dan peradabannya. Ia berasaskan peranan mereka sebagai tonggak dalam melahirkan generasi keturunan yang baik, bermanfaat serta berguna pada masa kini juga masa hadapan. Namun permasalahannya, wanita kini kian terhakis nilai keperibadian dan kehormatan diri akibat arus globalisasi kemodenan dan transformasi pendigitalan tanpa sempadan. Justeru, kajian ini dikemukakan untuk menilai gagasan tokoh iaitu Ibu Zain tentang konsep keperibadian dan kesantunan wanita Melayu. Konsep keperibadian dan kesantunan sebagai intipati kajian kerana dua elemen tersebut merupakan entiti yang melambangkan ontologis kewujudannya sebagai seorang wanita. Bertunjangkan dua objektif, pertama ialah meneliti nilai keperibadian sebagai simbolik wanita Melayu, dan keduanya untuk menganalisis nilai kesantunan yang menjadi pemilikan wanita Melayu. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan metode interpretasi. Kaedah pengumpulan data menggunakan kajian kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk dokumen berkaitan yang ditulis oleh tokoh, serta artikel berkaitan sarjana tentang tokoh. Kaedah analisis data mengimplemenkan kaedah analisis tekstual deskriptif berkaitan konsep keperibadian dan kesantunan. Dapatan kajian ini memperolehi bahawa wanita Melayu simbolisme kekuatan bangsa yang memiliki keunikan tersendiri berasaskan tingkah laku sopan, semangat kerja tinggi, perjuangan suci murni dalam membangunkan anak bangsa, selain berusaha membebaskan diri daripada cengkaman penjajah zalim mahupun telunjuk kaum lelaki dayus. Impak kajian ini secara asasnya ialah kepada pembangunan dan pemerdayaan wanita Melayu Malaysia secara holistik. Ini kerana gagasan Ibu Zain dinilai signifikan pada zamannya, kristalistik pada masa kini, serta futuristik pada masa hadapan bertunjangkan semangatnya untuk terus mempertahankan identiti wanita Melayu bermaruah dan berkebudimanan zaman berzaman.

**Kata Kunci:** Ibu Zain, Keperibadian, Kesantunan, Budi Pekerti, Wanita Melayu

**Abstract:** *Women are considered the nucleus of a family, country and civilization. This is due to the fact that they act as a cornerstone in producing good, beneficial and useful generations of the future. The value, personality and self respect of women are increasingly becoming more marginalized due to the current borderliness digitolised globalized, modernized transformed modern world. This study aims at evaluating Ibu Zain's concept of personality and politeness of the Malay woman. The concept of personality and politeness are the essence of the study since the two elements denote the ontological existence of a woman in examining the value of personality as a symbolic gesture of Malay woman, and in analyzing the value of politeness possessed by the Malay lady. This is a qualitative study and it uses the interpretation method approach. Data collection was entirely done through library research by referencing to relevant documents written by this scholar and other related articles of other scholars. Data analysis was in form of descriptive textual analysis of the concept of personality and politeness. The findings show that the Malay woman symbolizes the strength of the nation with its own uniqueness based on polite behavior, high morale, and sincere struggle in developing the race of the nation, besides freeing themselves from the injustices of colonization and men of cowardice. The impact of this study is fundamentally on the development and empowerment of Malay women holistically. This is due to the significance of Ibu Zain's idea during that time, crystalized during this period and for the future, inspired to continue defending the identity of a dignified Malay woman.*

**Keywords:** *Ibu Zain, Personality, Politeness, Malay Lady*

---

## **Pengenalan**

Dasawarsa kini memperlihatkan pelbagai isu berkaitan wanita sering ditonjolkan dalam medium media massa mahupun media cetak. Isu utama yang dipaparkan tentang wanita Melayu ialah seputar persoalan tentang kedudukannya dalam masyarakat. Selain isu perjuangan hak asasi mereka dalam aspek perundangan, politik dan sosial agar seimbang dengan lelaki – yang menjadi suatu isu pertikaian dan terus dituntut oleh golongan wanita sehingga ke hari ini (Madhu 2012, Siti Khariah 2008).

Persoalannya, di manakah kedudukan wanita Melayu dalam masyarakat? Adakah hak asasi mereka sebagai wanita diabaikan oleh pihak bertanggungjawab? Sekiranya diteliti perkembangan terkini di Malaysia, wanita Melayu mempunyai kedudukan yang baik kerana diberi peluang untuk bekerja, memegang jawatan di pelbagai peringkat dan sektor pekerjaan, selain terus diberi peluang untuk menerima pendidikan sehingga ke peringkat tertinggi seperti mana kaum lelaki.

Walau bagaimanapun, wanita Melayu turut menjadi mangsa diskriminasi dalam pelbagai aspek kehidupan. Misalnya, mereka tidak terlepas daripada didiskriminasi dari sudut kerjaya-pekerjaan (Azizan & Kartini 2018; Noorazeela *et al.* 2016; Fatimah 1985). Ini kerana mereka dikatakan lebih sesuai duduk di rumah dan menjalankan tugas sebagai isteri dan ibu dengan mengurus rumahtangga sepenuhnya. Selain itu, wanita Melayu turut menghadapi permasalahan dalam rumah tangga – menjadi mangsa keganasan rumah tangga (Natasha 2017). Mereka juga turut berdepan dengan isu perceraian, perebutan dan permasalahan harta sepencarian akibat daripada pelbagai faktor (Hasanah & Salwa 2012:104).

Setiap isu tersebut merupakan permasalahan asas yang membelenggu kebanyakan wanita di Malaysia (tidak terkecuali wanita Melayu) – yang terus berlaku tanpa ada kesudahannya. Masalah tersebut juga secara tidak langsung menjadi suatu titik tolak kepada berlakunya permasalahan lain seperti masalah kesihatan mental, krisis identiti dan kecelaruan jati diri sehingga menyebabkan nilai sejarah dan asal usul diri serta bangsa semakin terhakis.

Justeru, kajian ini dikemukakan untuk menelusuri konsep keperibadian dan kesantunan wanita Melayu sejati dari kerangka fikir tokoh ulung negara – Ibu Zain (nama sebenarnya ialah Zainun Binti Sulaiman). Kenapa Ibu Zain? Pemilihan Ibu Zain berasaskan beberapa pertimbangan berikut.

Pertama, beliau merupakan penyandang gelaran Ibu Pembebasan Wanita Melayu (KPWKM 2010:35; Hasnah 2009:253). Gelaran tersebut diberikan kepada beliau berasaskan usaha gigih dalam perjuangannya memartabatkan kedudukan dan maruah wanita di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Beliau memainkan peranan cukup penting apabila bertindak sebagai pendakwah kepada kaum wanita. Tujuannya ialah membantu menyedarkan wanita Melayu yang mula terpengaruh dengan pihak tentera Jepun khasnya tentang tingkah laku serta akhlak mereka yang bertentangan dengan Islam. Beliau turut membantu memulihkan semangat dan spiritual wanita Melayu akibat penghinaan dan penganiayaan tentera Jepun yang sememangnya terkenal dengan sikap rakus, gila, bernafsu serakah (sehingga menjadikan mana-mana wanita sebagai hamba seks).

Kedua, Ibu Zain merupakan pejuang nasionalis dalam kalangan kaum ibu di Tanah Melayu sehingga terbentuknya Persekutuan Malaysia (KPWKM 2010:35). Beliau sealiran dengan Dato' Onn Jaafar yang ketika itu gigih memperjuangkan hak kaum Melayu dan bumiputera daripada terus ditindas oleh pihak penjajah. Buktinya, beliau menyertai pertubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor yang diketuai oleh Dato' Onn pada tahun 1946-1949 (Ramlah Adam 2009) – dengan tujuan utama menentang pihak British dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Ketiga, Ibu Zain merupakan pengarang dan penulis wanita terawal di Tanah Melayu dengan terbitnya majalah Bulan Melayu pada Jun 1930. Beliau bertanggungjawab mengetuai majalah bertemakan wanita tersebut sehingga November 1941 (terhenti daripada diterbitkan kerana tercetusnya Perang Pasifik – yang turut terkena tempiasnya di Tanah Melayu pada masa itu) (Rosnah 2003).

Sesungguhnya, kelantangan serta kesungguhan Ibu Zain dalam membela dan memperjuangkan hak wanita Melayu merupakan titik tolak kepada penelitian terhadap pemikiran beliau mengenai wanita terkhas dalam ruang lingkup Melayu di Kepulauan Nusantara.

### **Objektif Kajian**

Justeru dalam usaha merungkai elemen keindahan dan keistimewaan wanita, kajian ini diusahakan untuk meneliti konsep keperibadian wanita berdarah keturunan Melayu sebagai golongan yang berperanan penting dalam mewarnai sejarah Kepulauan Nusantara. Selain menganalisis nilai dan elemen kesantunan yang dimiliki wanita Melayu. Konsep keperibadian dan kesantunan wanita Melayu ini dikupas daripada perspektif tokoh wanita ulung negara iaitu Ibu Zain.

Ini kerana, keperibadian adalah perlambangan etika seseorang dan begitu penting untuk terus dipelihara. Ia juga merupakan perlambangan kepada nilai seseorang dan maruah bangsanya. Pernyataan tersebut sinonim dengan perumpamaan Azhar Ibrahim (2016:3) dalam syairnya berbunyi, “dalam ilmu dalam masyarakat, pendirian utama harus diangkat, kepedulian etika jangan disukat, tanggungjawab moral amatlah berat”.

### **Ulasan Karya**

Kajian bertemakan wanita terus mendapat perhatian serius para pengkaji khususnya di bidang sosiologi, antropologi, psikologi, sejarah, kesusasteraan dan pemikiran. Misalnya, kajian Ungku Maimunah dan Zulkarnain (2013) bertajuk *Islam, Feminisme Barat dan Sastera Melayu* meneliti elemen kewanitaan dari sudut kedudukannya dalam Islam dan Barat, selain simbolik di sebalik watak mereka dalam karya sastera Melayu. Siti Nur Izzaty dan Norsimah (2017) pula meneliti unsur feminisme dalam peribahasa Melayu. Penelitian mereka mendapati bahawa terdapat 17 peribahasa daripada 5489 peribahasa yang menonjolkan elemen wanita khususnya berkaitan ciri-ciri positif wanita, ketertinggian darjat wanita dan peningkatan taraf atau kualiti hidup wanita.

Kajian bertemakan keperibadian dan kesantunan diusahakan oleh beberapa pengkaji. Misalnya, Hashim (2008) meneliti hati budi Melayu dalam menghadapi realiti semasa. Kupasan rinci Hashim tentang hati budi Melayu berasaskan tiga tunjang utama iaitu faham ilmu, faham alam (pandangan semesta) dan faham nilai sebagai bangsa berdarah keturunan Melayu. Selain Hashim, Puspa Djuwita (2017) mengkaji konsep kesantunan secara praktikal melalui medium pendidikan. Puspa menegaskan bahawa guru memainkan peranan penting dalam membentuk karakter kesopanan dan kesantunan para pelajarnya iaitu dengan menjadikan dirinya sebagai contoh dan teladan, memotivasi serta berkongsi pengalaman hidupnya sebagai guru kepada anak muridnya. Namun penelitian pengkaji terlibat berfokus pada satu-satu aspek sahaja – yang membuktikan bahawa elemen peribadi dan santun wanita Melayu masih terlalu sedikit dilakukan.

Selanjutnya, kajian yang mengetengahkan pemikiran Ibu Zain masih belum giat diusahakan. Namun terdapat beberapa kajian terdahulu yang memfokuskan Ibu Zain sebagai seorang figura – pejuang kemerdekaan, pengarang majalah, serta pendidik bangsa. Misalnya, kajian Mariam (1980) bertajuk *Bulan Melayu* mengetengahkan peranan Ibu Zain sebagai orang yang bertanggungjawab sebagai Ketua Pengarang bermula daripada penubuhannya pada 1 Jun 1930. Kajian Mariam mendapati bahawa Ibu Zain memainkan peranan besar dalam mengetuai sebuah majalah ketika itu dalam usaha memberi ilmu bermanfaat serta pendedahan berguna khususnya kepada golongan wanita di setiap peringkat umur – kanak-kanak, gadis, isteri, ibu dan warga emas.

Selain Mariam, Hasnah (1997) turut meneliti majalah *Bulan Melayu* yang mengandungi beberapa karya penulisan Ibu Zain. Pada Hasnah, Ibu Zain adalah seorang penulis wanita Melayu sejati kerana sering memaparkan pelbagai nasihat, pandangan peribadi serta ideanya tentang wanita di Tanah Melayu terutamanya pada tahun 1930-an. Kajian Hasnah seterusnya pada 2009 turut menyoroti sedikit latar belakang Ibu Zain dalam bab “Pemartabatan Kaum Wanita” khasnya berkaitan usaha beliau membangunkan anak bangsa melalui pendidikan, memperjuangkan kebebasan kaum wanita, serta membantu memerdekakan tanah air daripada golongan penjajah bersama para pejuang kemerdekaan yang lain.

Selain itu, Rosnah (2003) dan Siti Khariah (2008) turut mengupas secara ringkas dalam kajian mereka tentang Ibu Zain dan peranan yang dimainkan oleh beliau sebagai orang kuat kepada Majalah *Bulan Melayu* yang menjadi identiti dan simbol utama wanita Melayu sebelum merdeka. Ibu Zain digambarkan oleh kedua-dua pengkaji tersebut sebagai wanita gigih dan peka terhadap perkembangan semasa khususnya terhadap permasalahan wanita Melayu.

Namun rangkuman kajian lepas tersebut menjelaskan bahawa penelitian terhadap konsep peribadi dan keperibadian serta santun dan kesantunan wanita Melayu terkhas daripada perspektif Ibu Zain masih belum giat diusahakan. Justeru, kajian ini berusaha untuk merungkai konsep dan elemen berkaitan wanita dalam usaha menghargai sumbangan kristalistik Ibu Zain kepada pembangunan wanita di Malaysia, selain berusaha untuk mengiktiraf dan mengangkat martabat wanita pada tempat yang selayaknya.

### **Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual berkaitan konsep keperibadian dan kesantunan dalam kertas kerja ini dibentuk berasaskan konsep ontologi dan aksiologi. Konsep ontologi merujuk kepada faham wujud iaitu pentafsiran terhadap hakikat kewujudan sebagai manusia. Manusia dalam konteks kajian ini merujuk kepada susuk tubuh wanita berdarah keturunan Melayu. Selanjutnya, konsep aksiologi turut diketengahkan iaitu dalam usaha meneliti faham nilai wanita Melayu. Nilai tersebut merujuk kepada elemen keperibadian dan kesantunan mereka yang bergelar wanita Melayu.

### **Metodologi Kajian**

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan metode interpretasi untuk merungkai kerangka pemikiran tokoh berkaitan hakikat kewujudan wanita yang terangkum dalam elemen keperibadian dan kesantunannya. Metode interpretasi digunakan dalam konteks (i) bahasa iaitu dengan menilai dan mentafsirkan bahasa yang digunakan oleh Ibu Zain dalam setiap penulisannya, (ii) logik iaitu menilai dan mentafsirkan setiap idea pemikiran Ibu Zain secara sistematik dan rasional, dan (iii) historis iaitu mentafsirkan pemikiran Ibu Zain dengan cara meninjau latar belakang dan sejarah pembentukan wanita Melayu di Alam Nusantara.

Justeru kajian ini mengimplemenkan kaedah pengumpulan data berasaskan kajian kepustakaan dengan rujukan khusus terhadap dokumen, fail, surat, majalah, kertas kerja, artikel, rencana terkhas pada setiap penulisan tokoh tentang wanita amnya dan wanita Melayu khasnya. Selain turut meneliti kajian sarjana dan cendekiawan lain terhadap pemikiran tokoh termaklum.

Selanjutnya, kaedah analisis data menggunakan kaedah analisis tekstual deskriptif. Signifikannya ialah untuk merungkai gagasan tokoh berkenaan elemen keperibadian dan kesantunan wanita Melayu dengan meneliti pada setiap bait perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau apa sahaja mesej yang diungkapkan Ibu Zain dalam setiap penulisannya, serta penulisan sarjana lain tentang pemikiran Ibu Zain.

### **Wacana Pertama: Prinsip dan Hakikat Kewujudan Wanita Melayu**

Wanita Melayu diinterpretasi sebagai golongan yang memiliki susuk tubuh yang genit, berkulit sawo matang, elok rupa paras dan muka yang bercahaya (A. Samad 2015:250). Walau bagaimanapun, pada Mat Rofa (2016:35) susuk tubuh wanita Melayu “tidaklah secantik wanita India”. Mereka digambarkan Haryati (2014:47) sebagai “lembut tetapi keras”, “manja tetapi tegas” dan “tabah tetapi lemah”.

Dari sisi pandang Ibu Zain, wanita Melayu ditamsilkan sebagai “daripada mereka itulah akan lahir keturunan bangsa Melayu baharu yang gagah perkasa dan bebas merdeka menurut didikan ibunya” (Zainun 1955). Melayu baharu di sini merujuk kepada bangsa yang kuat dan bersemangat, yang bebas merdeka daripada cengkaman penjajahan, terdidik dan terpelajar, berusaha memajukan diri agar seiring dengan bangsa lain seperti Cina dan India, selain terus berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar.

Namun persoalannya, apakah prinsip dan hakikat kewujudan sebenar wanita Melayu? Mengapa ianya signifikan untuk diterokai dan dikemukakan kepada khalayak? Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati bahawa wanita Melayu mempunyai identiti tersendiri yang menjelaskan kewujudannya dalam masyarakat berperadaban khususnya di Kepulauan Nusantara dan wilayah Asia Tenggara. Simbolik kepada kewujudan mereka dapat ditelusuri berasaskan konsep ontologi – yang membincangkan mengenai teori hakikat/wujud iaitu berasaskan hakikat manusia.

Secara asasnya, ontologi merupakan persoalan pokok atau objek falsafah yang utama. Ia merangkumi persoalan dalam alam fizikal dan alam metafizikal. Plato menggagaskan bahawa dunia terbahagi kepada dua iaitu inderawi dan idea. Inderawi merupakan alam bersifat material dan berubah yang dapat difahami melalui sumber empirikal. Manakala idea merupakan alam bersifat spiritual dan abadi yang dapat difahami melalui sumber rasional. (Abdul Rahman 2016)

Justeru, persoalan ontologi wanita Melayu signifikan dikaji seterusnya diterokai berpaksikan pendirian berikut. Pertamanya, penelitian tentang manusia dari sudut kewujudannya perlu terus dipelajari sebagaimana saranan Socrates agar mempelajari manusia supaya dapat mengetahui asal usul siapa dirinya sendiri. Keduanya ialah berpaksikan pandangan Ibu Zain sendiri iaitu penelitian terhadap hakikat kewujudan diri dapat menyedarkan kewajipan diri untuk menggunakan akal fikiran dalam memelihara maruah seterusnya menjadi bangsa berguna kepada masyarakat santero dunia.

### **Analisis Pertama: Keperibadian Simbolisme Unggul Wanita Melayu**

Justeru, perbincangan berikutnya ialah kupasan tuntas berkenaan nilai keperibadian wanita Melayu menurut Ibu Zain. Persoalannya, apakah yang dimaksudkan beliau tentang keperibadian diri? Apakah nilai peribadi wanita Melayu yang perlu terus dipelihara? Bagaimana peribadi wanita Melayu dapat dibentuk dengan sebaiknya?

#### ***Konsep Peribadi Dan Keperibadian***

Secara literalnya, peribadi diinterpretasi sebagai suatu sifat, kelakuan, sikap dan watak seseorang yang sudah sehati dengan dirinya sendiri, atau manusia sebagai diri sendiri. Hamka (2014:4) mempersonafikasikan peribadi sebagai kumpulan sifat dan kelebihan diri yang menunjukkan kelebihan seseorang daripada orang lain sehingga ada manusia yang diangkat sebagai manusia besar ataupun sebaliknya sebagai manusia kecil.

Apabila merujuk kepada pandangan Ibu Zain, jelas beliau tidak mendefinisikan atau memberi makna peribadi dan keperibadian secara konkrit. Namun beliau ada menegaskan bahawa keperibadian diri terbentuk apabila mereka “tahu memelihara maruah dan kehormatan diri” (1935:21), tidak membuat “sesuatu perkara yang tiada memberi manfaat akan diri kamu” (1930d:174).

Ini bermakna, apabila seseorang wanita tersebut faham dan berusaha memelihara maruah serta kehormatan diri akan dapat melengkapinya sebagai wanita yang berperibadi baik dan mulia. Ia merupakan manifestasi dan simbol keelokkan diri sebagai seorang wanita seumpama “emas baru disepuh”, selain kehebatan dirinya seperti “elang menyongsong angin”.

### ***Konsep Ontologi Dalam Keperibadian Wanita Melayu***

Apabila merujuk kepada nilai peribadi dan keperibadian wanita berdarah keturunan Melayu diinterpretasi Ibu Zain berasaskan dua pertimbangan. Pertamanya ialah peribadi yang terbentuk daripada kewajipan mereka untuk memperkuat akidah sebagai seorang beragama Islam. Keduanya ialah elemen kebijaksanaan mereka dalam mempertahankan budaya dan adat Timur yang menjadi darah daging mereka generasi demi generasi.

#### ***Pertama, Kewajipan Memperkuat Kepercayaan Berteraskan Akidah Islam***

Sesungguhnya, hakikat kewujudan wanita Melayu kini berasaskan anutan agamanya iaitu Islam seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 160 (2), yang secara asasnya mentakrifkan Melayu sebagai mereka yang beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, serta bertutur menggunakan Bahasa Melayu.

Dalam usaha mengekalkan identiti diri wanita Melayu beragama Islam, Ibu Zain dalam rencananya bertajuk *Kewajipan Perempuan* (1927:11-12) menasihatkan setiap wanita agar mengetahui seterusnya memahami kewajipan mereka yang sebenarnya. Kewajipan diri dalam konteks ini dapat difahami sebagai proses menuntut ilmu agama sebagaimana saranan Ibu Zain (1935:27) “walau apapun ilmu yang hendak dituntut, ilmu agama jangan ditinggalkan”, agar mereka melunaskan tuntutan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang wanita beragama Islam. Sekiranya diperhalusi sebaiknya, saranan beliau ini (dianggarkan pada tahun 1920-an dan 1930-an) sebenarnya sudah bermula sebelum wujudnya Perlembagaan Malaysia lagi (Perlembagaan Malaysia mula didokumenkan pada tahun 1948 dan disusuli pada tahun 1957).

Tuntutan dan tanggungjawab menuntut dan mempelajari ilmu agama bertujuan untuk memperkuat akidah sebagai umat Islam yang berpegang teguh kepada keimanan terhadap Sang Maha Berkuasa iaitu Allah Ta’ala. Selanjutnya Ibu Zain (1966:8) menitipkan pesan,

“Ibu berseru dengan jujur dan penoh ikhlas supaya kita Kaum Ibu khas-nya dan seluruh bangsa ‘am-nya betul2 menguchap shukor kapada Allah atas kurnia-Nya itu dengan ta’at kapada titah perintah Allah dan jauhkan [diri] dari tiap2 larangan-nya”

Prinsip ketaatan kepada Allah Ta’ala telah mendorong Ibu Zain menggagaskan satu slogan penuh makna, dianggap sebagai keramat kerana menjadi laungan warisan Melayu dari satu generasi ke satu generasi. Laungan keramatnya berbunyi “agama dididik, moden dibela” – yang memperlihatkan bahawa ilmu agama perlu menjadi mata pelajaran utama untuk dididik kepada anak bangsa termasuk kaum wanita. Selepas ilmu agama, ilmu lainnya (disebut ilmu moden oleh Ibu Zain) seperti ilmu rumah tangga, matematik, sejarah, sains dan sebagainya perlu didedahkan dan diajar kepada setiap anak (tidak mengira lelaki mahupun wanita).

Secara fundamentalnya, apabila seseorang wanita menuntut ilmu pastinya dia berkeupayaan membantu bangsa, mahupun negaranya mencapai kemajuan. Ini kerana pada Ibu Zain kemajuan sesebuah bangsa dan negara itu adalah berada dalam lingkungan atau gengaman

mereka yang bergelar wanita. Keadaan ini menggambarkan kekuatan, keistimewaan, kelebihan dan kemuliaan seorang wanita yang merupakan “jantung hati” dan “keramat hidup” bagi kaum lelaki.

### ***Kedua, Kecerdikan Wanita Melayu Dalam Mempertahankan Budaya Dan Adat Timur***

Selanjutnya, Ibu Zain (1927:45) menyeru dengan lantang agar kaum wanita tidak meniru gaya hidup perempuan di Barat khususnya dalam mengejar kemajuan dan kejayaan diri. Sebaliknya beliau begitu menggalakkan wanita Melayu supaya mempelajari dan memahami budaya Timur dengan sebaiknya. Ini kerana sebarang unsur bertentangan dengan budaya Timur seperti pergaulan bebas antara lelaki dan wanita yang menjadi budaya Barat dapat ditapis dan ditentang dalam kalangan masyarakat Melayu.

Galakan Ibu Zain tersebut bertitik tolak daripada *Hikayat Faridah Hanom* yang ditulis oleh Syed Syekh al-Hadi yang memaparkan konsep pergaulan bebas dan percintaan ala Barat yang ditampilkan dalam karya berkenaan. Pada beliau elemen pergaulan serta percintaan tersebut telah melanggar nilai budaya serta adat Timur yang cukup menekankan etika pergaulan antara lelaki dan wanita, selain cukup memelihara nilai malu yang menjadi identiti wanita Melayu.

Selanjutnya, beliau menegaskan bahawa wanita Melayu yang memiliki keperibadian unggul ialah mereka mempunyai budaya sendiri tanpa meniru sesiapa sahaja atau mana-mana bangsa di dunia. Ketegasan beliau tercatat dalam *Bulan Melayu* Ogos 1930 halaman 62,

“Kita perempuan Melayu tidak hendak berlumba-lumba dengan sesiapa. Bukan kita hendak menyaingi bangsa Barat dan tidak pula hendak meniru menurut orang Turki, Mesir dan sebagainya. Tetapi sebenarnya kita hanya hendak menunaikan atau menyempurnakan kewajipan diri kita”. (Hasnah Husiin 2009:322)

Pandangan Ibu Zain ini merupakan respons terhadap konsep liberalisme yang dibawa oleh Muhammad Yusuf Ahmad dengan seruannya seperti “tirulah kemajuan wanita di Turki dan Mesir” (Abdul Rahman 1997:180; Muhammad Yusuf 1927:32-33; Muhammad Yusuf 1930). Seruan Muhammad Yusuf tersebut menggalakkan kaum wanita mempelajari bahasa Inggeris atau Arab, serta belajar sehingga ke luar negeri sekiranya ingin menikmati nilai kemajuan (yang dilihat mengetepikan bahasa Ibunda dan mengesampingkan budaya Melayu sebenar).

Pada Ibu Zain (1927:11-12), sebagai wanita Melayu nilai sebuah keperibadian yang terindah ialah tidak mudah terpedaya, tidak suka meniru apatah lagi memakai amalan orang lain (seperti yang disarankan Muhammad Yusuf tersebut). Ini kerana sikap suka meniru atau memakai amalan orang lain boleh menyebabkan kita menjadi sebuah bangsa serta agama yang dhaif. Dhaif yang dimaksudkan Ibu Zain ialah kita akan menjadi miskin kerana tidak memiliki identiti tersendiri untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada generasi masa hadapan. Amalan meniru semata-mata pengamalan orang lain juga menyebabkan kita tidak mempunyai originaliti dan keunikan terhadap budaya dan adat kita sendiri untuk dibanggakan kepada bangsa lain.

### **Analisis Kedua: Kesantunan Wanita Melayu Perlambangan Bangsa Bertamadun**

Nilai ontologis wanita Melayu selanjutnya ialah kesantunan. Ia merupakan suatu perlambangan kepada kewujudan mereka yang begitu ditekankan Ibu Zain dalam karya



penulisan beliau. Misalnya dalam *Hiburan Ibu* (1955) yang disisipkan dalam *Majalah Hiburan* beliau menitipkan pelbagai lirik lagu yang digubah dan direka khas oleh beliau sendiri untuk santapan dan tatapan warga Melayu dan rakyat Tanah Melayu keseluruhannya. Dalam bait-bait lirik lagu berjudul *Melayu Maju* tersebut terselit pelbagai nilai kesantunan yang menggambarkan masyarakat Melayu secara amnya dan wanita Melayu khususnya. Misalnya,

“Laju-laju perahu laju,  
laju bertolak dari kuala,  
apa tanda Melayu maju,  
agama dididik moden dibela.

Laju-laju perahu laju,  
laju menuju ke hujung tanjung,  
tanda betul Melayu maju,  
dunia dikelek akhirat dijunjung.

Laju-laju perahu laju,  
laju menempuh ribut dan taufan,  
cara yang betul Melayu maju,  
gerak langkah tertib dan sopan.”

Gerak langkah tertib dan sopan dipersonafikasikan Ibu Zain sebagai simbolik kepada kesantunan wanita Melayu. Persoalannya, apakah yang dimaksudkan sebagai kesantunan? Apakah nilai yang terkandung dalam kesantunan wanita Melayu?

#### ***Konsep Santun Dan Kesantunan***

Secara etimologinya, istilah kesantunan berasal daripada perkataan santun yang bermakna halus budi bahasa atau budi pekerti, beradab, dan bersopan. Halus budi bahasa merupakan nilai signifikan dalam menggambarkan tingkah laku, pembawakan diri serta sifat wanita Melayu.

Walaupun Ibu Zain tidak mentakrifkan istilah santun dan kesantunan secara terperinci, namun beliau ada menyatakan bahawa “hendaklah jaga kewajipan dan santun kamu”, “moleklah tunjukkan pergerakan yang mengandungi adab dan tertib” (1930f:221), “keelokan seseorang itu tiada menzalimkan diri kepada membuat maksiat”, dan “budi yang tiada dimahirkan itu seumpama gulai yang tiada bergaram” (1930c:156). Setiap ungkapan Ibu Zain tersebut merupakan interpretasi kepada konsep santun dan kesantunan.

Gagasan Ibu Zain ini selaras dengan pandangan Benazir Bhutto yang pernah menyulamkan pesan tentang peri pentingnya wanita bersikap dan bertingkah laku baik. Tegas beliau “bersikap baik tidak boleh dianggap lemah”. Bersikap baik merupakan suatu nilai “adab kesopanan, kesantunan, keanggunan, kemampuan seorang perempuan untuk membuat semua orang merasa nyaman” (Qitori 2013:97).

#### ***Konsep Ontologi Dalam Konteks Kesantunan Wanita Melayu***

Sekiranya diteliti nilai santun dan kesantunan yang menjadi darah daging dan susuk keanggunan wanita Melayu pada pandangan Ibu Zain dapat ditelusuri satu persatu berasaskan beberapa pertimbangan sebagaimana huraian tuntas di bawah.

### ***Pertama, Keindahan Dan Ketertiban Dalam Berperilaku***

Wanita Melayu memiliki nilai kesantunan berasaskan cara bertingkah laku dan berbicara-bertutur dalam kalangan sesama mereka. Ia berasaskan pandangan Ibu Zain bahawa anak gadis Melayu (khususnya mereka yang berada di sekolah dan kolej) sudah tahu membezakan antara “perangai yang asli dan laku mengada[-ada], lepas laku dan sopan-santun, tidak tertunduk[-tunduk dan tersipu[-sipu]” (1935:21). Selain itu, wanita Melayu juga mengamalkan prinsip “hidup bertolong[-tolong]an iaitu sedia memberi, menerima dan meminta pertolongan” (Zainun 1931a:242).

Walau bagaimanapun Ibu Zain sering menasihati wanita Melayu supaya sentiasa “jaga dan peliharalah diri dan tingkah laku baik[-baik] supaya tidaklah anak[-anakku] sentiasa jadi landasan mulut bangsa asing” (Zainun 1935:21), serta “jangan banyak bertutur kata yang sia[-sia] kerana ia merupakan satu perangai yang jahat” (Zainun 1930d:173). Penjagaan dan pemeliharaan diri tersebut baik dari sudut perbuatan dan tutur bicara walau di mana sahaja berada sama ada di dalam majlis atau perkumpulan tertentu khususnya yang melibatkan percampuran bersama dengan kaum lelaki.

Ini kerana pada Ibu Zain, “tingkah laku yang baik, hati yang mulia dan lurus bersih itulah yang menyebabkan kemuliaan” (1931d:47). Tambahnya lagi, “kemuliaan diri itu suatu sifat kesederhanaan. Jika dilampaukan hadnya [akan] jadi takbur dan jika dicuaikan [akan] menjadi hina” (Zainun 1931c:286).

Jelas bahawa pernyataan tersebut memaknakan bahawa ketertiban berperilaku yang menjadi amalan wanita Melayu menyerlahkan keistimewaan dan kehebatan mereka sebagai seorang wanita. Selain perlu menjadikannya sebagai prinsip dan falsafah hidup, sepertimana yang dititipkan M. Quraish Shihab bahawa “tiga hal yang harus dipegang teguh perempuan dalam hidup ialah kesederhanaan, kesucian dan kehormatan [kemuliaan]” (Qitori 2013:39). Ketertiban berperilaku wanita Melayu dipersonafikasikan sebagai “elok bahasa kan bakal hidup, elok budi kan bakal mati” yang bukan sahaja disenangi tetapi dikagumi oleh kaum lelaki tidak terkecuali kaum wanita daripada bangsa lain.

### ***Kedua, Keanggunan Dan Keayuan Dalam Berhias Dan Berfesyen***

Wanita Melayu sering dikaitkan dengan baju kurung, kain sarung, serta bertudung kepala. Ibu Zain ada menjelaskan bahawa “tudung kepala (kelambung) wanita di Pulau Pinang sama seperti saudara[-saudara] kita perempuan[-perempuan] Melayu di Melaka”. Mereka juga “berkain sarung” dengan pelbagai gaya dan cara menggunakannya (Zainun 1930a:118). Daripada pakaian tersebut sememangnya menyerlahkan keanggunan dan keayuan mereka sebagai seorang wanita Melayu.

Dalam usaha menjaga keperluan syariat dan mengekalkan warisan fesyen Melayu turun temurun tersebut, Ibu Zain sering berpesan supaya “kaum Ibu-lah yang mesti berkorban memberi contoh tauladan dengan berani dan tegas” (Zainun 1966:8). Tegasnya lagi “pimpin bersungguh[-sungguh] anak[-anak] perempuan itu pada mengetahui apa makna pakaian dan apa makna perhiasan” (Zainun 1931b:279) terutamanya ketika berhias dan menggayakan sesuatu fesyen pakaian.

Ibu Zain berkias bahawa “pakaian maknanya gunanya”. Ini kerana “tiap[-tiap] apa yang dipakai itu mestilah mengandungi kegunaan di dalamnya. Rasionalnya ialah “memakai baju, seluar, tudung, stokin, sepatu, kerongsang dan sebagainya itu gunanya menutup aurat,

menegahkan kedatangan bahaya dan melatih hati supaya jadi bersih dan lurus” (Zainun 1930e:181).

Cara berpakaian yang difikirkan sesuai oleh Ibu Zain (1930b:130) ialah “bersandar kepada kebenaran agama kita yang maha suci”. Tegas beliau, kaum wanita perlu “mengenakan jilbab dan selalu bersopan santun” (Abdullah Rahman 1997:180), dan “apabila kamu [wanita] memakai kain cara Melayu janganlah singkat sangat hingga ke kepala lutut”. Tegurnya lagi, cara pemakaian sebegitu rupa memperlihatkan “setengahnya betis gemuk, setengahnya yang lain pula betisnya kurus kering” (Zainun 1930f:221).

Selanjutnya, beliau turut menasihatkan bahawa “janganlah kamu memakai pakaian yang jarang atau baju potong bandung atau baju senteng ketat” (Zainun 1930f:221) khususnya ketika keluar dari rumah untuk pelbagai tujuan seperti mengajar (terkhas kepada para guru-pendidik), ataupun mengunjungi kaum kerabat dan sahabat handai.

Teguran serta nasihat Ibu Zain kepada kaum wanita Melayu terutamanya para ibu dan anak gadis menjelaskan bahawa cara pemakaian sedemikian sebenarnya memberikan suatu pandangan yang kurang molek atau tidak manis pada orang lain yang melihatnya. Selain mewujudkan keadaan yang tidak selesa kepada orang sekeliling.

Ingin ditegaskan di sini bahawa saranan Ibu Zain tersebut selari dengan tuntutan Islam yang menekankan pemakaian menutup aurat – mengenakan tudung kepala serta berpakaian sopan dan tidak menjolok mata. Allah Ta’ala memberi peringatan melalui kalam-Nya dalam *Surah Al-A’raf* (7) ayat 26 bermaksud: “Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmat-Nya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur)”.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa wanita pada Ibu Zain merupakan golongan yang cukup istimewa, mulia dan begitu penting kepada keluarga, masyarakat, bangsa dan negaranya. Ini kerana mereka turut memainkan peranan penting yang penuh bermakna dalam mencorakkan kemajuan bangsa dan negaranya di pelbagai lapangan seperti ekonomi, pendidikan, sosial, undang-undang dan politik di tanah airnya sendiri.

Seterusnya, konsep ontologi yang meneliti hakikat kewujudan wanita Melayu pada perspektif Ibu Zain berasaskan elemen keperibadian dan kesantunan yang dimiliki oleh mereka. Pertamanya ialah peribadi dan keperibadian. Simbolik kepada keperibadian wanita Melayu terbentuk berasaskan kewajipannya sebagai seorang Muslim – memperkuatkan akidah keIslamannya dengan menuntut ilmu agama terlebih dahulu sebelum ilmu-ilmu yang lain. Keperibadian wanita Melayu turut diinterpretasi melalui kebijaksanaan akal fikirannya terkhas dalam usaha mereka mempertahankan budaya dan adat Timur daripada dicemari dengan adat songsang yang merosakkan bahkan menyesatkan.

Konsep ontologi kedua pada Ibu Zain difahami sebagai elemen santun dan kesantunan. Ia berteraskan cara berperilaku dan bertutur wanita Melayu yang digambarkan penuh dengan kelembutan dan kehalusan. Kesantunan mereka turut diperhalusi melalui cara mereka berhias dan berfesyen-berpakaian yang dikatakan memiliki nilai kecantikan dan keunikan yang

tersendiri – memperagakan pakaian asli Melayu seperti baju kurung, kain sarung, serta tudung kepala. Akhirnya, ontologi iaitu hakikat kewujudan wanita Melayu yang berasaskan kepercayaan agamanya iaitu Islam, budayanya iaitu Timur, perilakunya yang penuh tertib dan sopan santun, serta pemakaiannya yang anggun dan ayu perlu terus dikekalkan sebagai suatu identiti asal bangsa Melayu. Kemudiannya perlu terus dipelihara, dipusakai dan diwarisi kepada anak cucu untuk manfaat dan pedoman generasi Melayu akan datang.

## Rujukan

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1997. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Azhar Ibrahim. 2016. *Syair Kesaksian Darihal Menyinggung Fikiran dan Perbuatan*. Petaling Jaya: Gerakbudaya Enterprise.
- Azizan Zainuddin & Kartini Khalid @ Aboo Thalib. 2018. “Konsep Mengarusperdanakan Gender: Kajian Wanita dalam Pekerjaan di Malaysia”, *Journal of Administrative Science (JAS)*, Vol. 15, Issue 1, 2018, 1-10.
- Fatimah Abdullah. 1985. “Wanita dan Pekerjaan: Satu Analisis Konflik Peranan”. *Akademika*, No. 21, Julai 1985, 77-93.
- Hamka. 2014. *Pribadi Hebat*. Jakarta: Gema Insani.
- Haryati Hasan. 2014. “Isu-isu Wanita dalam Manuskrip Melayu Abad ke-15 hingga Abad ke-18”. *Jurnal Perspektif*, Jil. 6, Bil. 1, 36-48.
- Hasanah Abd. Khafidz & Salwa Zakaria. 2012. “Hak Wanita Dalam Harta Sepencarian”, dalam Nazarudin Zainun, Ishak Saat & Md Nasir Misran, *Wanita dan Kepelbagaian*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Hashim Hj. Musa. 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hasnah Husiin. 1996/1997. “Bulan Melayu 1930-1938”, dalam *Tesis Sarjana Muda*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Hasnah Husiin. 2009. *Guru-guru Melayu: Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK). 2010. *Wanita dan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: KPWK.
- Madhu Kumari. 2012. *Women and Development*. New Delhi: Random Publications.
- Mariam Mansor. 1980. “Bulan Melayu”, dalam *Lembaran Akhbar Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 58-81.
- Muhammad Yusuf Ahmad. 1927. “Teriakan Harapan”. *Majalah Guru*, Jilid IV, No. 2, Februari 1927, h. 32-33.
- Muhammad Yusuf Ahmad. 1930. “Perempuan Melayu dan Pelajaran”. *Bulan Melayu*, No. 1, Jun 1930.
- Natasha Dandavati. 2017. *Perspektif Mengenai Keganasan Rumah Tangga: Penyelarasan Gerak Balas Komuniti Terhadap Isu Komuniti*. Petaling Jaya: Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO).
- Noorazeela Zainol Abidin, Rahmah Ismail & Noorasiah Sulaiman. 2016. “Pengasingan Pekerjaan dan Perbezaan Upah Jantina di Malaysia”. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 50 (1), 2016, 53-66.
- Puspa Djuwita. 2017. “Pembinaan Etika Sopan Santun Peserta Didik Kelas V Melalui Pembelajaran Pendidikan Kewarganegaraan Di Sekolah Dasar Nomor 45 Kota Bengkulu”. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 10 (1), 2017, 27-36.
- Qitori. 2013. *Kearifan Orang-Orang Besar (The Great Wisdom from the Great Thinkers)*. Depok: Penerbit Edelweiss.

- Rosnah Baharudin. 2003. *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Khariah Mohd Zubir. 2008. *Citra Wanita Dalam Novel Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Nur Izzaty Salit & Norsimah Mat Awal. 2017. "Unsur Feminisme Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif". *Jurnal Linguistik*, Vol. 21 (2), Disember 2017, 15-23.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir & Zulkarnain Mohamed. 2013. *Islam, Feminisme Barat dan Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainun Sulaiman. 1927. "Kewajipan Perempuan", *Lambaran Guru*, Bil. VII & VIII, Februari & Mac 1927, Halaman 11-12, 45.
- \_\_\_\_\_. 2016. *Wacana Falsafah Barat: Tinjauan dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- \_\_\_\_\_. 1930a. "Adakah Tudung Kepala Dijadikan Dilabel Belum Maju", *Bulan Melayu*, Bil. 5, Tahun Pertama, 24 September 1930. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 116-119.
- \_\_\_\_\_. 1930b. "Pakaian Perempuan Melayu", *Bulan Melayu*, Bil. 5, Tahun Pertama, 24 September 1930. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 130-131.
- \_\_\_\_\_. 1930c. "Nasihat Mak Cik", *Bulan Melayu*, Bil. 6, Tahun Pertama, 23 Oktober 1930. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 156.
- \_\_\_\_\_. 1930d. "Tegahan Mak Cik", *Bulan Melayu*, Bil. 6, Tahun Pertama, 23 Oktober 1930. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 173-174.
- \_\_\_\_\_. 1930e. "Menjawab Soal", *Bulan Melayu*, Bil. 7, Tahun Pertama, 21 November 1930. Johor Bahru: Al-Attas Press.
- \_\_\_\_\_. 1930f. "Nasihat Mak Cik", *Bulan Melayu*, Bil. 8, Tahun Pertama, Disember 1930. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 221.
- \_\_\_\_\_. 1931a. "Ruangan Sahabat Ibu", *Bulan Melayu*, Bil. 9, Tahun Pertama, Januari 1931. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 242-246.
- \_\_\_\_\_. 1931b. "Tulen Guru", *Bulan Melayu*, Bil. 10, Tahun Pertama, Februari 1931. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 277-280.
- \_\_\_\_\_. 1931c. "Nasihat Mak Cik", *Bulan Melayu*, Bil. 10, Tahun Pertama, Februari 1931. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 286.
- \_\_\_\_\_. 1931d. "Ruangan Sahabat Ibu", *Bulan Melayu*, Bil. 2, Tahun ke-2, Jun 1931. Johor Bahru: Al-Attas Press, Halaman 46-49.
- \_\_\_\_\_. 1935. "Perkhabaran Sekolah", *Bulan Melayu*, Bil. 28, 2 Julai 1935. Singapura: Lembaga Malaya Press, Halaman 21.
- \_\_\_\_\_. 9 Mac 1953. *Surat Kepada Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Negeri Sembilan* [Versi Melayu-Jawi]. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1955. "Melayu Maju", *Hiburan Ibu*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1966. "Aluan2 Ibu", *Chenderamata*. Johor Bahru: Perchetakan Annies.